

Sultan minta jangan pertikai JAIS

Oleh NORHAYATI YAHAYA
norhayati.yahaya@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam berpuas hati dengan laporan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berhubung operasi penguatkuasaan ke atas majlis Thanks Giving Dinner di sebuah gereja di Petaling Jaya pada 3 Ogos lalu.

Baginda mengakui sudah meneliti laporan tersebut dengan terperinci dan berpuas hati dengan tindakan JAIS yang dianggap mengikut prosedur serta tidak menyalahi mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di negeri itu.

Titah baginda, tindakan JAIS itu selaras dengan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dan Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di Kalangan Orang Islam) Negeri Selangor 1988.



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

"Beta selaku Ketua Agama Islam Negeri Selangor amat mengambil berat atas tindakan yang dilakukan dan berharap agar rakyat tanpa mengira bangsa dan agama tidak menyalah anggap dan mempertikaikan tindakan JAIS tersebut sebelum mengetahui dengan jelas fakta sebenar mengenai tindakan yang telah diambil.

"Sebagai sebuah jabatan kerajaan negeri yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang Islam dalam negeri ini, JAIS mempunyai tugas yang berat untuk memastikan agama Islam sen-



SUASANA ketika pemeriksaan oleh penguat kuasa JAIS di sebuah gereja di Seksyen 13, Petaling Jaya pada 3 Ogos lalu.

tiasa dipelihara dan dimartabatkan selaras dengan kedudukannya sebagai agama negeri Selangor di bawah Perkara XLVII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan juga agama Persekutuan di bawah Fasal (1) Perkara 3

Perlembagaan Persekutuan," titah baginda menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Baginda bertitah demikian sebagai mengulas laporan penuh mengenai pemeriksaan yang dijalankan Bahagian Penguatkuasaan JAIS ke atas majlis Thanks Giving Dinner yang diadakan di Damansara Utama Methodist Centre (DUMC), Dewan 3, Kompleks Dream Centre, Seksyen 13, Petaling Jaya pada 3 Ogos lalu.

Merujuk laporan yang sama, Sultan Selangor bertitah, terdapat keterangan bahawa ada cubaan untuk memesonkan kepercayaan dan akidah

umat Islam tetapi keterangan yang diperoleh tidak mencukupi untuk tindakan undang-undang diambil.

"Oleh itu, setelah meneliti dengan secara mendalam laporan oleh pihak JAIS dan setelah mendapat nasihat daripada pakar-pakar agama dan undang-undang, beta bersetuju tiada pendakwaan dikenakan terhadap mana-mana pihak.

"Walau bagaimanapun, beta menitahkan JAIS agar memberikan kaunseling kepada orang Islam yang terlibat dalam majlis tersebut supaya akidah dan kepercayaan mereka dapat dipulihkan," titahnya dalam kenyataan yang sama.

Seterusnya, baginda juga menitahkan JAIS supaya menjalankan aktiviti dakwah terhadap orang Islam dengan lebih kerap dan tersusun supaya akidah dan kepercayaan mereka dapat dipelihara dan dipertingkatkan.

"Beta amat berharap selepas ini, apa-apa kegiatan dan aktiviti yang sedang berjalan

PUM memuji tindakan JAIS

KUALA LUMPUR - Peratuan Ulama Malaysia (PUM) memuji tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang melakukan pemeriksaan ke atas Gereja Methodist Damansara Utama pada 3 Ogos lalu.

Setelah Agung PUM, Dr Roslan Mohd. Nor berkata, adalah menjadi tanggungjawab JAIS untuk menjaga hal ehwal Islam dalam negeri tersebut (sertama sinis berkaitan akidah yang merupakan perkara teras dalam Islam).

Saya memuji semua pihak yang memberikan kerjasama kepada JAIS.

...sepanjang kerangka pejabat...
"PUM juga menyeras minat pihak supaya memulakan langkah serta akidah hawa agama Islam adal agama Persekutuan seperti termaktub dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan," katanya.

"Katanya lagi, sekiranya diminta oleh dewan itu terdapat laban provokasi terdapat memuat-bekal pekerjaan adalah sesuatu tindakan tidak bertanggungjawab dan melanggar undang-undang Islam."

KERATAN Kosmo! 10 Ogos 2011.

atau yang akan berjalan bagi tujuan mengembangkan ajaran agama lain kepada penganut agama Islam di Selangor hendaklah dihentikan segera dan tiada kegiatan dan aktiviti yang serupa dijalankan pada masa hadapan.

"Kesungguhannya beta amat mengambil berat dan berasa amat tersinggung dengan usaha-usaha pihak tertentu yang cuba untuk melemahkan kepercayaan dan akidah orang Islam di Selangor," titahnya.

Kronologi kes pemeriksaan JAIS ke atas DUMC

■ **3 Ogos** - Pasukan penguat kuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menyerbu gereja Damansara Utama Methodist Centre (DUMC), Petaling Jaya sekitar pukul 10 malam ekoran terdapat laporan kehadiran orang Islam pada majlis berbuka puasa anjuran gereja tersebut.

■ **4 Ogos** - Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengarahkan JAIS mengemukakan laporan penuh kepada kerajaan negeri berhubung serbuan pihak berkuasa agama itu.

■ **15 Ogos** - Seramai 12 umat Islam yang terdiri daripada tiga lelaki dan sembilan wanita berusia 20-an dan 40-an memberi keterangan di pejabat JAIS, bagi membantu siasatan kes berkenaan.

■ **22 Ogos** - Kerajaan negeri mendakwa diarahkan oleh Sultan Selangor supaya menubuhkan majlis penasihat syura dalam usaha menyelesaikan pertikaian berhubung isu pemeriksaan terhadap gereja itu.

■ **23 Ogos** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah tidak pernah menitahkan atau memperkenankan cadangan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bagi menubuhkan majlis penasihat syura.

■ **15 September** - Pengarah JAIS, Marzuki Husin mengesahkan laporan DUMC telah siap dan sebutan kes akan dilakukan di Mahkamah Syariah Shah Alam pada 19 Oktober ini.

■ **28 September** - Sultan Sharafuddin Idris Shah akan mengeluarkan titah bagi memberikan pandangan serta nasihat dalam menyelesaikan isu terbabit.